

Lagi UFO kelihatan di Britain

SCARBOROUGH – Satu objek terbang tidak dikenali (UFO) kelihatan di Kampung Osgodby, bandar Scarborough, Britain, lapor sebuah akhbar semalam.

Penemuan terbaru itu berlaku selepas beberapa UFO muncul di Rotherham, South Yorks, dan Harrogate, dalam tempoh tiga minggu.

Menurut seorang pakar UFO di Britain, Nick Pope, buat masa ini, utara England dilihat mempunyai lebih banyak kemunculan objek terbang itu.


Gambar terbaru UFO itu dirakamkan di Osgodby, dekat Scarborough, York Utara pada Ahad lalu.

Menurut seorang saksi, Paul Sinclair, objek itu kelihatan seperti piring terbang.

“Ramai orang yang melihatnya.

“Terdapat sesuatu yang berlaku di sini. Menantu lelaki saya merakamkan objek itu selama beberapa minit. Ia kelihatan seperti dua objek, salah satunya mempunyai ekor manakala yang lain berbentuk seperti cakera,” katanya.

Pada tahun lalu, formasi 50 buah UFO dilihat di langit bandar ini. – Agensi



GAMBAR menunjukkan objek terbang (dalam bulatan) tidak dikenali berada di langit Kampung Osgodby, bandar Scarborough, Britain pada Ahad lalu.